

Keperluan Membentuk Kerjasama Pakar di dalam Proses Pembangunan Landskap Hutan Rekreasi

Mohd Kher Hussein^{a*}, Saiful Arif Abdullah^a, Chamhuri Siwar^a, Shaharuddin Mohamad Ismail^a

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: khernurul@yahoo.com

Article history

Received: 26 July 2011

Received in revised form: 14 March 2012

Accepted: 2 April 2012

Graphical abstract

Abstract

Expert is a person who has higher education and skill in certain field. Expert collaboration is required in sustainable development process at all level or stages. However, in Malaysia, expert collaboration was not at encouraging level towards promoting sustainable development process of recreational forest landscape. Objective of this study is to understand stake holder's (management staff, local resident and user of recreational forest) perception towards necessity to form expert collaboration in recreational forest landscape development process. Several recreational forest sites in Selangor has been selected as a case study. Questionnaire form was use to gain perception from stake holder. Results has revealed that the necessity to form expert collaboration for recreational forest landscape development is must. Lack of expert collaboration is due to neglect to share knowledge and opinion, lack of knowledge about their importance's as well as no awareness. These phenomenons have resulted to some of man-made landscape elements was not harmonize with existing forest environment. This study concludes that expert collaboration must be implemented for recreational forest landscape development in Malaysia for the sake of their sustainability, to solve weaknesses in creating special design identity and for the sake of sustainable landscape development of recreational forest.

Keywords: Expert collaboration; sustainability; landscape; recreational forest

Abstrak

Golongan pakar merupakan individu berkemahiran tinggi di dalam sesuatu bidang seperti bidang "reka bentuk persekitaran." Kerjasama pakar sangat diperlukan di dalam proses pembangunan lestari di peringkat perancangan, pemilihan kawasan, reka bentuk fasiliti, analisis kawasan, pelaksanaan dan penyelenggaraan. Namun, di Malaysia, jalinan kerjasama pakar berada di tahap yang tidak mendorong ke arah mencapai kelestarian sebenar pembangunan landskap hutan rekreasi. Objektif kajian adalah untuk memahami persepsi pihak berkepentingan (kakitangan pengurusan, penduduk setempat dan pengguna) terhadap keperluan membentuk kerjasama pakar di dalam proses pembangunan landskap hutan rekreasi di Malaysia dengan menjadikan hutan-hutan rekreasi di negeri Selangor sebagai kajian kes. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan persepsi pihak berkepentingan mengenai perkara tersebut. Hasil kajian menunjukkan sememangnya wujud keperluan untuk membentuk kerjasama pakar disebabkan kurang penekanan diberikan kepada aspek berkenaan oleh pihak-pihak berkaitan sebelum ini. Kerjasama pakar kurang dilaksanakan disebabkan tiada pengetahuan mengenai kepentingannya, sikap tidak mahu berkongsi pandangan dan tiada kesedaran. Fenomena ini menyebabkan sesetengah pembangunan landskap hutan rekreasi menghadapi kelemahan di dalam penyediaan reka bentuk yang harmoni dengan persekitaran semulajadi. Kajian menyimpulkan bahawa pembentukan kerjasama pakar amatlah diperlukan bagi meningkatkan tahap kelestarian landskap hutan rekreasi, mengatasi kelemahan di dalam mewujudkan identiti khusus ke atas reka bentuk elemen-elemen landskap buatan manusia dan untuk proses kelestarian hutan rekreasi itu sendiri.

Kata kunci: Kerjasama pakar; kelestarian; landskap; hutan rekreasi

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENDAHULUAN

Pembangunan landskap hutan rekreasi sememangnya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya golongan pakar khusus untuk memajukannya ke arah mencapai matlamat pembangunan lestari. Pengkaji percaya bahawa idea dan

pengetahuan yang dibawa oleh pelbagai pakar adalah jauh lebih baik berbanding oleh seorang pakar. Ini kerana seorang pakar hanya mahir di dalam bidangnya sendiri dan tidak pakar dalam bidang yang lain. Malahan pengkaji turut yakin bahawa keputusan yang dibuat oleh seorang pakar mungkin kurang rasional dan tidak menyeluruh. Sebagai contoh, di dalam konteks

pembangunan landskap hutan rekreasi, pegawai hutan hanya mahir mengenai spesies-spesies hutan yang ada dan aspek pembalakan tetapi kurang mahir di dalam selok belok reka bentuk harmoni bagi elemen kemudahan dan fasiliti untuk kawasan hutan rekreasi. Justeru itu, golongan pakar dalam reka bentuk persekitaran seperti arkitek landskap diperlukan untuk tujuan reka bentuk dan perancangan, manakala jurutera diperlukan untuk menilai aspek kejuruteraan seperti tanah runtuh atau pengurusan sisa kumbahan. Selain itu, ahli ekologi pula diperlukan untuk menilai kesan pembangunan ke atas sistem ekologi hutan rekreasi. Lantaran itu, apabila ahli-ahli pakar ini bekerjasama di dalam satu pasukan dan organisasi, penyelesaian masalah dapat dilakukan dengan baik dan menyeluruh. Ini akan menghasilkan suatu pembangunan terarah yang menuju kepada kelestarian landskap hutan rekreasi.

Prinsip-prinsip pembangunan landskap lestari masih gagal dipenuhi walaupun sesetengah pembangunan hutan rekreasi di Malaysia ada melantik perunding untuk membangunkan kawasan mereka. Ini kerana pihak perunding berkenaan tidak mempunyai golongan pakar yang sewajarnya. Sebaliknya, pihak perunding pula yang akan melantik golongan pakar yang lain untuk membantunya. Keadaan ini menyebabkan pakar tersebut bekerja secara bersendirian dan bukannya sebagai satu pasukan yang mantap. Tambahan pula mereka bekerja mengikut ruang lingkup yang dipertanggungjawabkan sahaja tanpa mengambilkira lain-lain aspek. Ini sudah tentu akan menjejaskan keputusan yang dibuat kelak.

Kurangnya penglibatan golongan pakar di dalam pemilihan tapak, perancangan, pengurusan dan teknikal di dalam menyediakan dan melaksanakan sistem rancang kerja merupakan antara faktor penyebab kepada pembangunan landskap hutan rekreasi yang tidak terancang (Chee, 1986). Keadaan ini menyebabkan pendekatan reka bentuk harmoni bagi elemen landskap buatan manusia seperti jalan masuk dan bangunan termasuk chalet gagal dilaksanakan dengan berkesan. Sebaiknya, reka bentuk bangunan di sesuatu kawasan (seperti hutan rekreasi) memerlukan pemahaman terhadap ciri kawasan tersebut iaitu ciri khas yang ada kerana ia dapat digunakan sebagai salah satu daripada pertimbangan dalam menciptakan pembangunan yang bersepadu dan harmoni dengan persekitaran (Trancik, 1987). Maka, kerjasama pakar sangat diperlukan di dalam memahami pertimbangan reka bentuk landskap yang harus diaplikasikan bagi hutan-hutan rekreasi yang ingin dibangunkan.

Tindakan segera wajar diambil kerana pendapat pakar sering kali berkesan, praktikal dan bernilai di dalam menangani isu-isu pengurusan sumber semulajadi (Oliver, 2002). Kumpulan pakar

harus dibentuk untuk menjamin keperluan generasi masa kini tercapai tanpa mengabaikan keperluan generasi di masa hadapan. Tumpuan harus diberikan kepada aspek reka bentuk landskap yang dibangunkan oleh manusia itu sendiri agar lebih harmoni dengan persekitaran hutan asli.

Oleh yang demikian, bagi melihat keperluan membentuk kerjasama pakar di dalam proses pembangunan landskap hutan rekreasi, tiga kawasan hutan rekreasi di Negeri Selangor dipilih sebagai kajian kes. Tiga kawasan tersebut adalah Hutan Rekreasi Sungai Tekala, Hutan Rekreasi Sungai Chongkak dan Hutan Rekreasi Templer. Hutan-hutan rekreasi tersebut masing-masing diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Tourism Selangor Sendirian Berhad (TSSB) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Negeri Selangor dipilih kerana Selangor merupakan negeri termaju di Semenanjung Malaysia dan ini memberi cabaran terhadap strategi pembangunan dan pengurusan landskap hutan-hutan rekreasinya. Pembangunan infrastruktur seperti pembangunan lebuh raya dan sistem pengangkutan lain yang ada di Negeri Selangor pula mengurangkan kos dan masa perjalanan selain menjadikan perjalanan lebih selesa kepada pengguna untuk melawat hutan-hutan rekreasinya (Ahmad Shuib, 1993). Ini menyebabkan hutan-hutan rekreasi di Negeri Selangor mengalami permintaan tinggi daripada orang ramai terutamanya di sekitar Lembah Klang selain memberi cabaran kepada pemilik hutan rekreasi tersebut untuk menambah baik landskapnya termasuk kemudahan yang sedia ada.

■2.0 LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN LANDSKAP HUTAN REKREASI

Pembangunan hutan rekreasi di Semenanjung Malaysia bermula dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970) dan diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pembangunannya kemudian diteruskan di dalam rancangan-rancangan lima tahun Malaysia (Jadual 1). Pembangunan hutan rekreasi di Semenanjung Malaysia mula rancak dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (Jadual 1). Ianya terus ditingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981 – 1985) dan bilangan yang dibangunkan pada Rancangan Malaysia Kelima (1986 – 1990) adalah hampir sama dengan tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Umumnya, hutan rekreasi terus dibangunkan dalam setiap rancangan pembangunan. Ini kerana peningkatan kesedaran masyarakat akan kepentingan rekreasi luar dan pengetahuan mengenai pemuliharaan alam sekitar.

Jadual 1 Bilangan hutan rekreasi di Semenanjung Malaysia

Rancangan Malaysia	Tahun	Jumlah Kawasan Hutan Rekreasi yang Dibangunkan
Pertama	1966 – 1970	3
Kedua	1971 – 1975	1
Ketiga	1976 – 1980	14
Keempat	1981 – 1985	28
Kelima	1986 – 1990	27
Keenam	1991 – 1995	22
Ketujuh	1996 – 2000	19
Kelapan	2001 – 2005	7
Kesembilan	2006 – 2010	4
Jumlah		125

Sumber: Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2007

Pada masa yang sama pihak berkepentingan yang berkaitan telah menyedari bahawa pembangunan hutan rekreasi mampu untuk memenuhi permintaan masyarakat untuk menjalankan aktiviti luar seperti berkelah, menghayati alam semulajadi dan beriadah. Pada masa yang sama juga negara mengalami pertumbuhan pembangunan yang pesat. Justeru, ini memberikan satu desakan kepada pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memulihara dan memelihara hutan semulajadi untuk kelestarian persekitaran dan kesejahteraan masyarakat.

Berdasarkan kepada pembangunan elemen landskap buatan manusia dan permintaan aktiviti rekreasinya, pembangunan landskap hutan rekreasi di Semenanjung Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga fasa. Pada fasa awal penubuhan (1966 – 1979), pembangunan landskapnya hanya tertumpu kepada menyediakan tempat untuk masyarakat melakukan aktiviti asas rekreasi seperti berkelah, berenang, berkhemah dan meninjau alam sekeliling hutan. Elemen landskap yang dibangunkan adalah yang bersangkutan dengan aktiviti rekreasi tersebut seperti menara tinjau, kawasan-kawasan berkelah dan tapak-tapak perkhemahan. Pembangunan landskap hutan rekreasi masuk ke fasa kedua (1980 – 1989) berikutan dengan meningkatnya permintaan daripada masyarakat yang memerlukan kawasan yang sesuai untuk melakukan aktiviti luar seperti merentas hutan, menghayati alam semulajadi, menjalankan penyelidikan dan tujuan pendidikan serta juga aktiviti lasak seperti mendaki gunung. Permintaan daripada pengunjung pula telah mendesak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk meningkatkan elemen landskap buatan manusia yang ada di dalam kawasan hutan rekreasi. Sehubungan dengan itu, elemen landskap buatan manusia ditambah, namun pembangunan yang dilaksanakan adalah secara *ad hoc* dan tanpa penyediaan pelan pembangunan landskap menyeluruh serta sebarang penilaian (Chee, 1986).

Pembangunan landskap hutan rekreasi masuk fasa ketiga (1990 – kini) apabila hutan rekreasi dijadikan sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semulajadi atau ekopelancongan. Ini adalah serentak dengan kempen Tahun Melawat Malaysia pertama iaitu pada tahun 1990. Kempen ini yang turut menggalakkan masyarakat untuk menghargai rekreasi dan pelancongan telah menarik minat ramai pelancong (sama ada pelancong dari dalam negara atau luar negara) untuk datang ke kawasan hutan rekreasi. Justeru itu, hutan rekreasi telah dikenali sebagai “kawasan kelompok pelancongan” kerana menerima bilangan pelancong yang besar setiap tahun. Bertitik-tolak daripada keadaan ini, elemen landskap buatan manusia yang dibangunkan telah mula tertumpu kepada menyediakan kemudahan untuk pelancong atau pengguna bermalam di dalam hutan rekreasi seperti penyediaan chalet. Sehubungan itu, bagi memenuhi senario tersebut, sesetengah kawasan hutan rekreasi telah diserahkan kepada pihak lain untuk diurus dan dibangunkan seperti pihak pelancongan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Sebagai contoh, di negeri Selangor, Hutan Rekreasi Sungai Chongkak dan Hutan Rekreasi Templer telah diserahkan kepada Selangor Tourism Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Selayang, masing-masing. Kini, terdapat tiga pihak yang terlibat di dalam mengurus dan membangunkan landskap hutan rekreasi di Semenanjung Malaysia iaitu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pihak swasta.

Melihat kepada kepesatan pembangunan landskap hutan rekreasi pada masa kini, sememangnya aspek kelestarian pembangunannya wajar dititikberatkan. Kelestarian landskap hutan rekreasi dapat dilihat daripada dua aspek iaitu pertamanya dari aspek reka bentuk dan perlindungan aset-aset pemandangan; keduanya dari aspek hubungkait di antara perkhidmatan ekosistem dan kesejahteraan hidup manusia (Selman 2008). Ini bermaksud, kelestarian landskap hutan

rekreasi memerlukan pembangunan yang menjurus ke arah usaha perlindungan, pemuliharaan, pengkalan, dan mengekalkan fungsi semulajadi hutan serta kualiti persekitaran (Schutzki dan Tripp, 2007). Oleh yang demikian, pengkaji percaya bahawa kelestarian landskap hutan rekreasi lebih mudah untuk dicapai melalui pembentukan kerjasama pakar di dalam proses pembangunan landskap hutan rekreasi itu sendiri secara khusus. Wujudnya kerjasama pakar ini akan dapat memastikan pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan landskap hutan rekreasi lebih terarah kepada aspek kelestarian berikutan wujudnya integrasi, kesefahaman serta kerjasama di kalangan pelbagai pihak berkepentingan contohnya arkitek landskap, pegawai hutan dan pihak pelaksana (contohnya pihak berkuasa tempatan).

■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk memahami dan menganalisis persepsi pihak berkepentingan terhadap keperluan membentuk kerjasama pakar di dalam proses pembangunan landskap hutan rekreasi.

■4.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan yang dijalankan adalah secara soal selidik terhadap tiga kumpulan pihak berkepentingan iaitu kakitangan pengurusan, penduduk setempat dan pengguna hutan rekreasi. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan persepsi mereka terhadap aspek kerjasama pakar di dalam membangunkan landskap hutan rekreasi yang antara lain tertumpu kepada faktor jalinan kerjasama pakar dalam proses perancangan lalu, kelemahan yang wujud, tahap keperluan kerjasama, tahap kesedaran, peringkat kerjasama dan halangan kerjasama.

Skala Likert digunakan sebagai pengukur persepsi di dalam borang soal selidik tersebut. Skala yang digunakan adalah “sangat setuju = 3”, “setuju = 2”, “tidak setuju = 1”, “sangat perlu = 3”, “perlu = 2”, “tidak perlu = 1” dan “sangat baik = 3”, “baik = 2”, “tidak baik = 1”. Tiga skala digunakan di dalam kajian ini bagi mengelakkan perbezaan ketara pada jawapan yang dipilih berbanding lima skala yang boleh menjadi ‘*bias*’ kepada jawapan tengah (“*middle answer*”).

Pendekatan pemilihan responden pula dilakukan dengan cara memilih responden sedia ada (*ready availability*) di lapangan (Rea dan Parker 1997). Melalui teknik ini, semua ahli dalam kumpulan responden berpotensi untuk turut serta dalam kaji selidik / kajian. Responden ditemui secara terus iaitu secara bersemuka dan ditanya sama ada sudi untuk menyertai kajian atau tidak. Jika bersetuju, kaji selidik diteruskan dan jika sebaliknya, responden lain pula dicari.

Keseluruhannya, seramai 533 responden telah berjaya disurvei. Mengikut pecahan, 360 responden merupakan pengguna hutan rekreasi, 39 kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, 20 kakitangan Majlis Perbandaran Selayang dan 24 kakitangan Tourism Selangor Sendirian Berhad. Bilangan responden pengguna hutan rekreasi melebihi kumpulan yang lain disebabkan bilangan mereka adalah lebih besar dan merupakan pengguna utama hutan rekreasi.

Maklumat dan data yang diperolehi melalui soal selidik telah dipertimbangkan sebagai terbaik kerana segala kejadian dapat diperolehi secara “*firsthand*”, menyediakan maklumat melalui konteks kejadian dan tingkahlaku spesifik yang sebenar (Merriam, 1998).

5.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Di dalam perbincangan ini, PS dirujuk sebagai penduduk setempat, manakala PHR dirujuk sebagai pengguna hutan rekreasi dan KP pula sebagai kakitangan pengurusan. Dapatan menunjukkan majoriti PS (92.2%) dan PHR (91.3%) serta sebahagian besar KP (72.2%) bersetuju bahawa pembangunan landskap hutan rekreasi kawasan kajian pada masa lalu tidak mempunyai jalinan kerjasama dengan golongan pakar yang lain seperti arkitek landskap dan hanya dilakukan secara bersendirian (JADUAL 2). Majoriti PS (82.2%) dan PHR (87.2%) serta sebahagian KP (53.0%) juga percaya bahawa pegawai yang bertanggungjawab di dalam pembangunan landskap hutan rekreasi kurang berusaha untuk mendapatkan nasihat atau pandangan dari mana-mana golongan pakar yang lain sebelum ini (JADUAL 2). Dapatan ini menyokong pendapat agar pihak berkaitan mengadakan jalinan kerjasama dengan kumpulan pakar yang lain bagi meningkatkan kualiti pembangunan landskap hutan rekreasi itu sendiri selain untuk memperoleh keberhasilan yang lebih baik di dalam

menyelesaikan masalah berhubungkait masyarakat dan polisi (Cortner dan Moote, 1999).

Sebahagian besar PS (77.8%) dan majoriti PHR (86.1%) juga bersetuju bahawa pembangunan landskap hutan rekreasi hanya mengambilkira sempadan kawasan (tidak mengambilkira luar kawasan) kerana ketiadaan kerjasama pakar dan agensi berkaitan (JADUAL 2). Sebahagian besar PS (78.9%) dan majoriti PHR (89.4%) turut bersetuju bahawa perletakan elemen kemudahan seperti bangku rehat dan ruang teduh tidak pernah dirancang dengan baik dan sesuai dengan persekitarannya akibat ketiadaan jalinan kerjasama pakar (JADUAL 2). Pemasalahan ini mempunyai hubungkait dengan masalah kekurangan pakar dan kakitangan teknikal yang dihadapi pihak pengurusan (Chee, 1986). Majoriti PS (93.3%) dan PHR (94.2%) serta sebahagian besar KP (77.2%) bersetuju bahawa kerjasama dengan lain-lain pakar di dalam membangunkan landskap hutan rekreasi adalah sangat perlu (JADUAL 2). Ini kerana kerjasama pakar amat penting untuk mencapai kelestarian dan dapat menghindari sindrom terbiar selain mampu menghasilkan polisi dan proses pembangunan yang lebih baik bagi sesuatu projek (Koontz, 2003).

Jadual 2 Persepsi terhadap jalinan kerjasama pakar di dalam pembangunan landskap hutan rekreasi

Perkara	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Setuju	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Pembangunan landskap hutan rekreasi di masa lalu tidak menjalin kerjasama pakar						
KP(N=83)	9	10.8	51	61.4	23	27.7
PS (N = 90)	10	11.1	73	81.1	7	7.8
PHR (N = 360)	151	41.9	178	49.4	31	8.6
Pembangunan landskap hutan rekreasi di masa lalu tidak pernah mendapatkan nasihat dari mana-mana kumpulan pakar yang lain seperti arkitek landskap						
KP(N=83)	4	4.8	40	48.2	39	47.0
PS (N = 90)	25	27.8	49	54.4	16	17.8
PHR (N = 360)	170	47.2	144	40.0	46	12.8
Pembangunan landskap hutan rekreasi hanya mengambilkira sempadan kawasan kerana ketiadaan kerja sama pakar dan agensi						
KP(N=83)	8	9.6	39	47.0	36	43.4
PS (N = 90)	15	16.7	55	61.1	20	22.2
PHR (N = 360)	170	47.2	140	38.9	50	13.9
Perletakan elemen landskap buatan manusia tidak pernah dirancang dan sesuai dengan persekitarannya kerana ketiadaan jalinan kerjasama pakar						
*KP (N=82)	9	11.0	34	41.5	39	47.6
PS (N = 90)	12	13.3	59	65.6	19	21.1
PHR (N = 360)	94	26.1	228	63.3	38	10.6
Kerjasama dengan lain-lain pakar amat perlu untuk kelestarian hutan rekreasi dan menghindari sindrom terbiar						
KP(N=83)	32	38.6	32	38.6	19	22.9
PS (N = 90)	38	42.2	46	51.1	6	6.7
PHR (N = 360)	211	58.6	128	35.6	21	5.8

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini (1 responden), KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

Dari sudut keperluan kerjasama pelbagai golongan pakar, analisis menunjukkan 65-98% responden menyatakan golongan pakar yang perlu bekerjasama di dalam pembangunan landskap

hutan rekreasi adalah pegawai hutan, arkitek landskap, pegawai perancang, ahli ekologi, pembuat dasar, jurutera dan arkitek (Jadual 3). Ini memandangkan bahawa pembangunan hutan

rekreasi tidak boleh dilaksanakan secara bersendirian, sebaliknya, perlu dilaksanakan dengan menjalin kerjasama dengan beberapa kumpulan pakar yang lain untuk mencapai matlamat kelestarian. Tambahan pula, kerjasama antara semua

pihak adalah sangat penting bagi mewujudkan pelancongan lestari (Badaruddin, 2008).

Jadual 3 Keperluan kerjasama pakar dalam pembangunan landskap hutan rekreasi

Perkara	Sangat Perlu Jumlah %		Perlu Jumlah %		Tidak Perlu Jumlah %	
Pegawai Hutan						
*KP (N = 81)	63	77.8	16	19.8	2	2.5
PS (N = 90)	54	60.0	33	36.7	3	3.3
PHR (N = 360)	251	69.7	104	28.9	5	1.4
Arkitek Landskap						
*KP (N = 81)	48	59.3	21	25.9	12	14.8
PS (N = 90)	28	31.1	60	66.7	2	2.2
PHR (N = 360)	243	67.5	110	30.6	7	1.9
Pegawai Perancang						
*KP (N = 81)	43	53.1	35	43.2	3	3.7
PS (N = 90)	46	51.1	39	43.3	5	5.6
PHR (N = 360)	240	66.7	111	30.8	9	2.5
Ahli Ekologi						
*KP (N = 81)	38	46.9	37	45.7	6	7.4
PS (N = 90)	26	28.9	42	46.7	22	24.4
*PHR (N = 359)	210	58.9	117	32.6	32	8.9
Pembuat Dasar						
*KP (N = 78)	30	38.5	37	47.4	11	14.1
PS (N = 90)	44	48.9	39	43.3	7	7.8
PHR (N = 360)	226	62.8	110	30.6	24	6.7
Jurutera						
* KP (N = 80)	24	30.0	43	53.8	13	16.3
PS (N = 90)	26	28.9	36	40.0	28	31.1
PHR (N = 360)	165	45.8	134	37.2	61	16.9
Arkitek						
KP (N = 83)	23	28.8	27	33.8	30	37.5
PS (N = 90)	30	33.3	57	63.3	3	3.3
PHR (N = 360)	202	56.1	137	38.1	21	5.8

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini, KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

Pada sudut lain, analisis menunjukkan kebanyakan KP (74.0 - 90.0%) dan PHR (63.0 - 84.0%) beranggapan bahawa pihak pengurusan mempunyai kesedaran yang baik untuk menjalin kerjasama dengan golongan pakar terbabit (Jadual 4). Ini menunjukkan pihak pengurusan mempunyai kesedaran dan bersedia untuk menjalin kerjasama dengan kumpulan pakar yang lain di dalam memajukan landskap kawasan hutan rekreasi. Pada masa yang sama juga, pihak-pihak berkaitan perlu mempertingkatkan usaha untuk menjalin kerjasama

dengan pegawai perancang, ahli ekologi, pembuat dasar dan jurutera ekoran analisis menunjukkan 27.0 - 68.0% PS beranggapan pihak pengurusan kurang kesedaran untuk menjalin kerjasama dengan golongan pakar tersebut. Hanya komitmen dan tindakan susulan yang diperlukan daripada pihak berkaitan untuk menjayakannya bagi memberi impak positif kepada pembangunan dan pengurusan landskap hutan rekreasi ke arah kelestarian yang berterusan di masa hadapan.

Jadual 4 Tahap kesedaran untuk menjalin kerjasama pakar di pihak pengurusan hutan rekreasi

Perkara	Sangat Baik Jumlah %		Baik Jumlah %		Tidak Baik Jumlah %	
Pegawai Hutan						
*KP (N = 82)	42	51.2	32	39.0	8	9.8
PS (N = 90)	30	33.3	35	38.9	25	27.8
*PHR (N = 359)	184	51.3	120	33.4	55	15.3
Arkitek Landskap						
*KP (N = 81)	22	27.2	50	61.7	9	11.1
PS (N = 90)	14	15.6	47	52.2	29	32.2
*PHR (N = 359)	183	51.0	111	30.9	65	18.1
Pegawai Perancang						
*KP (N = 81)	18	22.2	52	64.2	11	13.6
PS (N = 90)	22	24.4	30	33.3	38	42.2
*PHR (N = 359)	184	51.3	109	30.4	66	18.4
Ahli Ekologi						
*KP (N = 81)	16	19.8	53	65.4	12	14.8
PS (N = 90)	7	7.8	34	37.8	49	54.4

*PHR (N = 360)	154	42.8	96	26.7	110	30.6
Pembuat Dasar						
*KP (N = 81)	8	9.9	56	69.1	17	21.0
PS (N = 90)	4	4.4	44	48.9	42	46.7
PHR (N = 360)	121	33.6	145	40.3	94	26.1
Jurutera						
KP (N = 63)	6	9.5	41	65.1	16	25.4
PS (N = 90)	4	4.4	29	32.2	57	68.3
PHR (N = 360)	68	18.9	162	45.0	130	31.1
Arkitek						
*KP (N = 79)	9	11.4	50	63.3	20	25.3
PS (N = 90)	12	13.3	53	58.9	25	27.8
*PHR (N = 358)	103	28.8	177	49.4	78	21.8

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini, KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

Dalam pada itu, analisis menunjukkan bahawa tiada pengetahuan mengenai pentingnya kerjasama antara kumpulan pakar (KP - 13.6%; PS - 13.3%; PHR - 6.1%) dipersepsikan sebagai punca kepada kurangnya pelaksanaan kerjasama pakar oleh pihak pengurusan hutan rekreasi (Jadual 5). Analisis turut menunjukkan segelintir responden (KP - 32.1%; PS - 28.9%; PHR - 21.6%) mempersepsikan bahawa ia disebabkan oleh sikap tidak mahu berkongsi pandangan dan bertukar pendapat di kalangan pakar (Jadual 5). Begitu juga dengan tidak tahu manfaat kerjasama pakar secara mendalam turut dipersepsikan oleh segelintir responden sebagai penyumbang kepada kelemahan pelaksanaan kerjasama pakar (KP - 9.9%; PS - 25.6%; PHR - 20.3%) (Jadual 5). Malahan, tiada kesedaran di pihak pengurusan mengenai kepentingan mewujudkan jalinan kerjasama pakar turut dipersepsikan sebagai faktor penyumbang kepada masalah ini (KP - 14.7%; PS - 21.1%; PHR - 45.5%) (Jadual 5). Sesungguhnya, kelemahan kepada pembentukan

jalinan kerjasama pakar adalah berkaitan dengan pengetahuan rendah terhadap kepentingan kerjasama pakar itu sendiri, tiada motivasi, kemahiran berbeza dan kakitangan tidak mencukupi (Barcelona dan Bocarro, 2004). Justeru, dapatan ini menuntut agar tahap pengetahuan mengenai keperluan kerjasama pakar dan kepentingannya perlu ditingkatkan lagi di pihak pengurusan dan di kalangan kumpulan pakar supaya usaha membentuk jalinan kerjasama pakar dapat dizahirkan memandangkan panel pakar semakin memainkan peranan penting di dalam proses pembangunan (Oliver, 2002). Perubahan minda di kalangan kumpulan pakar juga amat perlu diberi anjakan paradigma agar tidak wujud sikap “keakuan” dan “kongkongan had tanggungjawab dan kawasan” di dalam menjalankan tanggungjawab demi kepentingan masyarakat, ekonomi dan persekitaran.

Jadual 5 Faktor kelemahan dalam mewujudkan jalinan kerjasama

Perkara	*KP		Pihak Berkepentingan PS		PHR	
	Jumlah	(%)	Jumlah	(%)	Jumlah	(%)
Tiada pengetahuan mengenai pentingnya kerjasama antara kumpulan pakar	11	13.6	12	13.3	22	6.1
Sikap tidak mahu berkongsi pandangan dan bertukar pendapat	26	32.1	26	28.9	78	21.6
Tidak tahu manfaat kerjasama pakar secara mendalam	8	9.9	23	25.6	73	20.3
Tiada kesedaran	12	14.7	19	21.1	164	45.5
Lain-lain	24	29.7	10	11.1	23	6.5
Jumlah (N)	81	100	90	100	360	100

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini, KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

Lebih lapan puluh peratus responden pula daripada setiap pihak berkepentingan menyatakan kerjasama pakar perlu diadakan pada peringkat perancangan pemilihan kawasan, reka bentuk fasiliti/kemudahan, analisis kawasan, pelaksanaan projek dan

pengurusan penyelenggaraan (Jadual 6). Ini menuntut supaya jalinan kerjasama pakar wajar diadakan di semua peringkat pembangunan bermula di awal proses pembangunan sehingga ke peringkat penyelenggaraan kawasan.

Jadual 6 Peringkat keperluan kerjasama pakar dalam pembangunan hutan rekreasi

Perkara	Sangat Perlu		Perlu		Tidak Perlu	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Perancangan pembangunan						
*KP (N = 80)	42	52.5	25	31.3	13	16.3
PS (N = 90)	32	35.6	55	61.1	3	3.3
PHR (N = 360)	247	68.6	106	29.4	7	1.9
Pemilihan kawasan						
*KP (N = 80)	50	62.5	19	23.8	11	13.8
PS (N = 90)	24	26.7	54	60.0	12	13.3

PHR (N = 360)	223	61.9	123	34.2	14	3.9
Reka bentuk fasiliti/kemudahan						
*KP (N = 81)	42	51.9	27	33.3	12	14.8
PS (N = 90)	22	24.4	50	55.6	18	20.0
PHR (N = 360)	223	61.9	112	31.1	25	6.9
Analisis kawasan/tapak						
*KP (N = 79)	46	58.2	18	22.8	15	19.0
PS (N = 90)	34	37.8	40	44.4	16	17.8
PHR (N = 360)	224	62.2	102	28.3	34	9.4
Pelaksanaan projek						
*KP (N = 78)	39	50.0	24	30.8	15	19.2
PS (N = 90)	26	28.9	45	50.0	19	21.1
PHR (N = 360)	219	60.8	98	27.2	43	11.9
Pengurusan penyelenggaraan						
*KP (N = 79)	45	57.0	19	24.1	15	19.0
PS (N = 90)	35	38.9	46	51.1	9	10.0
*PHR (N = 359)	224	62.4	106	29.5	29	8.1
Keseluruhan proses pembangunan						
*KP (N = 78)	42	53.8	23	29.5	13	16.7
PS (N = 90)	30	33.3	42	46.7	18	20.0
PHR (N = 360)	222	61.7	96	26.7	42	11.7

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini, KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

Namun demikian, wujud beberapa halangan yang menyebabkan jalinan kerjasama pakar kurang atau tidak dipraktikkan di dalam proses pembangunan landskap hutan rekreasi. Bagi segelintir KP (46.3%) dan PS (30.0%), mereka percaya bahawa halangan tersebut disebabkan oleh kekurangan kakitangan, kekurangan peruntukan, skop tugas jabatan yang berbeza, tiada kerjasama antara agensi dan kurang kesedaran mengenai kepentingan

kerjasama pakar dalam sesuatu pembangunan (Jadual 7). Manakala bagi segelintir PHR (45.8%) melihat ia menjurus kepada ketiadaan kerjasama antara agensi berkaitan (Jadual 7). Oleh itu, kelemahan dan halangan yang ada ini perlu ditangani dengan segera oleh pihak-pihak berkaitan demi kelestarian landskap hutan rekreasi.

Jadual 6 Halangan di dalam mewujudkan jalinan kerjasama pakar

Perkara	Kumpulan responden					
	*KP		PS		PHR	
	Jumlah	(%)	Jumlah	(%)	Jumlah	(%)
Kekurangan kakitangan	3	3.7	5	5.6	16	4.4
Kekurangan peruntukan	11	3.4	22	24.4	40	11.1
Skop tugas jabatan yang berbeza	16	19.5	11	12.2	74	20.6
Tiada kerjasama antara agensi	8	9.8	16	17.8	165	45.8
Kurang kesedaran mengenainya	6	7.3	9	10.0	19	5.3
Lain-lain (kombinasi di atas)	38	46.3	27	30.0	46	12.8
Jumlah (N)	82	100.0	90	100.0	360	100.0

Nota: *Terdapat responden tidak menjawab bahagian ini (1 responden), KP – Kakitangan pengurusan, PS – Penduduk setempat, PHR Pengguna hutan rekreasi

6.0 KESIMPULAN

Kerjasama pakar amat diperlukan bagi meningkatkan tahap kualiti pembangunan landskap hutan rekreasi di samping untuk mengelakkan kelestarian landskap hutan rekreasi dari terus terganggu. Pada masa sama, landskap hutan rekreasi masa kini pula berhadapan dengan isu kelestarian ekoran daripada kelemahan pembentukan kerjasama pakar di dalam proses pembangunan dan pengurusan landskapnya. Sebagai contoh, sungguhpun sesetengah hutan rekreasi terletak berdekatan dengan kawasan perkampungan, perumahan dan dusun, namun ia tidak dimanfaatkan kerana pihak yang terlibat di dalam pembangunan hutan rekreasi terkongkong dengan “had kawasan” pentadbiran. Akibatnya, tiada kesinambungan di antara landskap hutan rekreasi dengan landskap kawasan sekitar yang mengakibatkan pembaziran penggunaan sumber semulajadi yang ada (contohnya perkampungan, dusun dan kawasan pertanian).

Malahan, sikap memandang ringan ke atas kepentingan kerjasama pakar turut mengakibatkan perletakan sesuatu elemen

landskap buatan manusia kurang sesuai seperti chalet berdekatan dengan ruang pengguna harian. Keadaan ini menyebabkan pengguna merasa kurang selesa dan boleh menyebabkan mereka enggan menggunakan chalet yang dibina. Lantaran itu, keperluan untuk membentuk kerjasama pakar sememangnya perlu diberi perhatian serius untuk memperolehi keputusan yang efektif di dalam membuat keputusan lantaran hasil percambahan idea pelbagai pakar. Justeru, melalui kajian ini, ahli-ahli pakar yang wajar bekerjasama di dalam pembangunan hutan rekreasi adalah pegawai hutan, arkitek landskap, pegawai perancang, ahli ekologi, jurutera, arkitek dan pembuat dasar seperti mana dipersepsikan oleh pihak berkepentingan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan pembentukan kerjasama pakar wajar diadakan di dalam pembangunan landskap hutan rekreasi bagi membolehkan keputusan yang dibuat menghasilkan sesuatu yang lebih bermanfaat kepada semua pihak. Harus diketahui bahawa pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang ada pada setiap pakar merupakan asas kepada kejayaan perancangan dan pembangunan hutan termasuk

landskap hutan rekreasi (Jonsson dan Gustavsson, 2002). Malahan, kepentingan pakar dan orang awam perlu dikongsi bersama, termasuk pandangan dari pelbagai kumpulan pakar dengan latar belakang pendidikan yang berbeza di dalam pembangunan hutan (Jonsson dan Gustavsson, 2002). Lantaran itu, amalan pembangunan landskap hutan rekreasi sebelum ini yang tidak atau kurang menekan kerjasama pakar seharusnya mengambil tindakan baharu dengan melibatkan pelbagai golongan pakar seperti arkitek landskap, jurutera dan ahli ekologi secara intensif dan holistik bagi menjamin kelestarian landskap hutan rekreasi terus berkekalan di masa hadapan.

Ketiadaan kerjasama pakar pula boleh membawa kepada kegagalan untuk menghubungkan persekitaran sekelilingnya seperti kawasan perkampungan dan dusun dengan kawasan rekreasi itu sendiri. Keadaan ini memberikan suatu situasi pembaziran di dalam memanfaatkan sumber-sumber yang ada dan tidak mencapai matlamat ekopelancongan seperti yang dihasratkan oleh kerajaan bagi hutan rekreasi. Ini kerana ekopelancongan sewajarnya mampu untuk menggunakan pelbagai sumber yang ada di sekitarnya (McKecher, 1993) dan juga dapat meminimumkan impak dari perspektif sosial, ekonomi dan alam sekitar (Fatimah dan Fauziah, 2007).

Kerjasama pakar juga berhubungkait dengan *Local Agenda 21* yang menekankan penglibatan pelbagai pihak agar bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan lestari dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Pembentukan kerjasama pakar akan dapat memberikan fokus khusus terhadap pembangunan landskap hutan rekreasi dengan lebih berkesan terutamanya di dalam penyediaan elemen-elemen kemudahan rekreasi yang mempunyai identiti khusus. Ia juga boleh membentuk interaksi sosial dan meningkatkan kepercayaan di kalangan kumpulan pakar itu sendiri (lihat Hoppner *et al.*, 2007; Innes dan Booher, 1999; Carr *et al.*, 1998; McKnight *et al.*, 1998). Justeru itu, melalui kajian ini diharapkan akan memberikan kesedaran kepada pihak-pihak berkaitan untuk mengorak langkah positif untuk membentuk kerjasama pakar bagi pembangunan landskap hutan-hutan rekreasi di Malaysia. Usaha kepada pembentukan kerjasama pakar tersebut adalah kunci kepada usaha untuk mencapai kelestarian landskap yang lebih baik dan mampu memenuhi keperluan persekitaran, sosial dan ekonomi untuk generasi masa kini dan generasi akan datang serta bersesuaian dengan konsep ekopelancongan hutan rekreasi.

PENGHARGAAN

Kajian ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Selayang kerana sudi memberikan maklumat dan ditemubual serta membenarkan kawasan mereka dijadikan kajian kes.

RUJUKAN

- Ahmad Shuib. 1993. Faktor di dalam penilaian permintaan rekreasi luar. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*. 1(2): 199–204.
- Barcelona, B. dan Bocarro, J. 2004. The nature and extent of collaboration between park and recreation agencies and higher education institutions. *Journal of Park and Recreation Administration*. Winter 2004. 22(4): 3–24.
- Badaruddin Mohamed. 2008. *Pelancongan Lestari*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Carr, D. S., Selin, S. W., Schuett, M. A. 1998. Managing public forests. Understanding the role of collaborative planning. *Environmental Management*. 22: 767–776.
- Chee, T. Y. 1986. Forest Recreation Development in Peninsular Malaysia. *Paper Presented in Persidangan Perhutanan Malaysia ke 9* on 13–20 October, 1986. Forestry Department Head Quarter, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Cortner, H. J. dan Moote, M. A. 1999. *The Politics of Ecosystem Management*. Washington DC: Island Press.
- Fatimah Hassan dan Fauziah Che Leh. 2007. Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak: Satu Analisis. *Seminar Kebangsaan Geografi 2007: "Dunia Tanpa Sempadan."* 8–9 September 2007, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia.
- Hoppner, C., Frick, J. dan Buchecker, M. 2007. Assessing psycho-social effects of participatory landscape planning. *Landscape and Urban Planning*. 83: 196–207.
- Innes, J. E. dan Booher, D. E. 1999. Consensus building and complex adaptive systems. *APA Journal*. 65: 412–422.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. 2007. *Perangkaan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2007*. Kuala Lumpur: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- Jonsson, A. dan Gustavsson, R. 2002. Management styles and knowledge cultures. Past, present and future, related to multiple-use and urban woodlands. *Urban Forestry and Urban Greening*. 1: 39–49.
- Koontz, T.M. 2003. The farmer, the planner, and the local citizen in the dell: how collaborative groups plan for farmland preservation. *Landscape and Urban Planning*. 66: 19–34.
- Mckercher, B. 1993. Some fundamental truth about tourism: understanding tourism's social and environmental impacts. *Journal of Sustainable Tourism* 1(1): 6–15.
- McKnight, D. H., Cummings, L. L., Chervany, N. L. 1998. Initial trust formation in new organizational relationships. *Acad. Manage. Rev.* 23: 473–490.
- Merriam, S. 1998. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. California: Jossey-Bass Publisher.
- Oliver, I. 2002. An expert panel-based approach to the assessment of vegetation condition within the context of biodiversity conservation Stage 1: the identification of condition indicators. *Ecological Indicators*. 2: 223–237.
- Rea, L. M. dan Parker, R. A. 1997. *Designing and Conducting Survey Research*. Second Edition. San Francisco: Jossey Bass Publisher.
- Schutzki, R. & Tripp, E. 2007. Sustainable approaches to the conventional landscape. Paper 92nd Annual Meeting and Professional Improvement Conference, July 15-19, 2007, Grand Rapids, Michigan, National Association of County Agricultural Agents (NACAA).
- Selman, P. 2008. What do we mean by "sustainable landscape?" *Sustainability: Science, Practice, & Policy*. 4(2):23–28.
- Trancik, R. 1987. *Finding Lost Space Theories of Urban Design*. New York: Oxford University Press.

